

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**
[MARANG]

TARIKH : **9 JUN 2014**

SOALAN : **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang**
[Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah pendirian rasmi
Kerajaan Malaysia terhadap Pilihan Raya
Presiden Mesir yang berlangsung pada
bulan Mei 2014 dan apakah Malaysia
mengiktiraf Presiden yang terpilih daripada
pilihan raya tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia mengalu-alukan keputusan kerajaan sementara Mesir untuk mengadakan Pilihanraya di Mesir yang diadakan pada 26 Mei sehingga 28 Mei 2014 yang lalu sebagai satu penyelesaian konflik di Mesir.

3. Adalah menjadi harapan masyarakat antarabangsa termasuk Malaysia bahawa keputusan pilihanraya di Mesir ini diterima oleh seluruh warga Mesir. Dari sudut pengiktirafan, bukan sahaja Malaysia bahkan negara-negara lain juga akan mengiktiraf Presiden atau pemimpin yang dipilih dan terima oleh rakyat.

4. Malaysia juga berharap Kerajaan baru dipilih oleh rakyat Mesir, dapat mengembalikan semula keamanan dan kestabilan negara agar fasa pelan halatuju politik, dengan izin *political roadmap* kearah negara demokrasi dapat berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.